

11 November 2022

Nor Surayya binti Abdul Samad
D3-12, Indah Court
Jalan Jelatek,
88400 Likas
Kota Kinabalu, Sabah

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor
(U.P. : Encik Josffa Bin Ismail)

Y.Bhg Dato',

**PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH BAGI
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH
(EKONOMI), UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Dato' sedia maklum, saya NOR SURAYYA BINTI ABDUL SAMAD (751119-14-5758) merupakan penerima biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sesi 2019/2020 dan kini sedang mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

3. Tempoh kelulusan asal Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (CBBPHLP) yang telah ditawarkan oleh JPA adalah selama 41 bulan 27 hari bermula pada 2 September 2019 dan akan berakhir pada 1 Mac 2023.

4. Walau bagaimanapun, saya ingin memohon pelanjutan tempoh belajar selama 6 bulan disebabkan faktor yang tidak dapat dielakkan seperti di bawah :

- Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan pandemik COVID-19 bermula pada tahun 2020 dan seterusnya pada tahun 2021 telah menghadkan pergerakan bagi proses pengumpulan dan pemerolehan data, kelewatan juga berlaku kerana kekangan disebabkan sekatan rentas negeri telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan ketika pandemik.
- Selain itu, pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan ketat yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengekang penularan Covid 19 di kampus pada tahun 2020 dan 2021 telah menghadkan pergerakan di

kampus terutamanya bagi sesi mesyuarat bersama jawatankuasa penyeliaan. Tambahan pula, kekangan dalam urusan pengumpulan data dan jurnal di Perpustakaan Tun Sri Lanang dan penggunaan perisian Stata di makmal komputer fakulti turut memberi kesan kepada pengajian saya.

- Di samping itu, penganalisan data kajian turut mengambil masa disebabkan skop kajian merangkumi 20 tahun dan melibatkan negara-negara pengimport serta beberapa analisa empirikal perlu dijalankan bagi melengkapkan kajian saya yang bertajuk “Kesan Perbezaan Peraturan Langkah-langkah Bukan Tarif (NTMs) ke atas Sektor Agromakanan di Malaysia”.

5. Sehubungan itu, berdasarkan justifikasi-justifikasi di atas, saya dengan rendah diri ingin memohon pertimbangan dan kelulusan daripada YBhg. Dato’ berhubung pelanjutan tempoh CBBPHLP saya selama 6 bulan sehingga 1 September 2023. Bersama-sama ini disertakan salinan dokumen- dokumen sokongan untuk makluman dan rujukan YBhg. Dato’:

- Surat Sokongan daripada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan (Lampiran A).
- Kalender Akademik UKM 2022/2023 (Lampiran B);

6. Saya amat berharap agar YBhg. Dato’ dapat mempertimbangkan permohonan pelanjutan tempoh CBBPHLP ini bagi membolehkan saya menamatkan pengajian sebagaimana yang disyaratkan oleh pihak JPA dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM. Segala kerjasama dan pertimbangan YBhg. Dato’ dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



(Nor Surayya binti Abdul Samad)